

NO. SOALAN: 16

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI HAJI AHMAD HUSNI BIN MOHAMAD HANADZLAH [TAMBUN]

TARIKH : 01.08.2017

SOALAN :

YB Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan terkini negara kita dalam Indeks Persepsi Rasuah (Corruption Perception Index). Bilakah negara kita dapat muncul dalam ranking CPI di antara 15 negara yang paling kurang rasuah.

JAWAPAN:

Tan Sri Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia menduduki tangga ke-55 daripada 176 buah negara dengan skor sebanyak 49 berdasarkan Laporan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) tahun 2016 yang dikeluarkan oleh Transparency International. Laporan tersebut juga menunjukkan bahawa Malaysia menduduki tempat ketiga terbaik di antara 10 negara ASEAN yang terlibat.

Di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11), Malaysia menyasarkan untuk menjadi antara 30 negara terbaik dalam CPI menjelang tahun 2020. Bagi mencapai sasaran ini, Kerajaan telah

memperkenalkan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Membanteras Rasuah di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP) untuk menambahbaik struktur tadbir urus negara dan memperbaiki kedudukan negara dalam CPI. Walau bagaimanapun, harus kita ingat bahawa usaha-usaha penambahbaikan adalah bersifat jangka panjang dan hasilnya juga akan hanya dapat dilihat dalam jangka masa akan datang kerana bukan mudah untuk mengubah budaya serta amalan lazim. Ia perlu dipupuk secara berterusan. Sehubungan itu, Kerajaan akan sentiasa berusaha untuk meletakkan negara di antara 15 negara paling kurang rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat, pencapaian Malaysia dalam petunjuk-petunjuk prestasi antarabangsa yang lain menunjukkan bahawa ekonomi kita terus berdaya maju hasil daripada transformasi yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dan keyakinan pelabur di negara kita. Ini juga berikutan sistem penyampaian Malaysia yang cekap dan berdaya saing. Antaranya, Forum Ekonomi Dunia (WEF) pada tahun 2015 yang telah meletakkan Malaysia antara 18 daripada 140 negara paling berdaya saing dalam Laporan Daya Saing Global 2015-2016, sekaligus mengukuhkan kedudukannya dalam kalangan 20 ekonomi utama paling berdaya saing dunia dan juga merupakan kedudukan tertingginya sejak tahun 2005. Laporan '*Ease of Doing Business*' 2015 oleh Bank Dunia turut memberikan penilaian yang positif tentang Malaysia dengan menyebut persekitaran perniagaan yang bertambah baik, sekaligus menempatkan negara dalam kumpulan 20 ekonomi global teratas. Malaysia turut menduduki tempat kedua di ASEAN dalam Laporan '*World Bank's Doing Business Report 2017*' dan ke-23 keseluruhan, antara 190 ekonomi di seluruh dunia. Laporan Daya Saing Global 2016-2017 terbitan Forum

Ekonomi turut menyaksikan Malaysia kekal berada dalam kalangan 20 peratus negara teratas paling berdaya saing dan berada di kedudukan tertinggi dalam kalangan negara membangun di Asia.

Terkini, Malaysia juga berada di kedudukan pertama dalam *Best Countries To Invest In* berdasarkan kajian oleh BAV Consulting, sebuah firma di bawah komunikasi pemasaran global dan Wharton School of The University of Pennsylvania yang dilaksanakan berdasarkan skor daripada lebih 6,000 pembuat keputusan perniagaan yang mematuhi 8 petunjuk yang setara (rasuah, dinamik, kestabilan ekonomi dan keusahawanan serta insentif cukai yang menarik, inovatif, tenaga buruh mahir dan kemahiran teknologi).

Sekian, terima kasih.